

BAB 6

KESIMPULAN

Bab ini merupakan kesimpulan terhadap kajian yang telah pengkaji lakukan. Dalam bab terakhir ini diketengahkan dapatan-dapatan pengkaji mengenai kesesuaian proses kepenggarangan Anwar Ridhwan dengan penerapan teori teksdealisme melalui empat prinsip yang terdapat dalam teori ini iaitu prinsip kehadiran, perlanggaran, pengukuhan, dan keperibadian/individualisme. Dengan kata lain, dirumuskan sama ada sumber yang digunakan iaitu novel-novel Anwar Ridhwan itu menepati prinsip yang digunakan dalam teori yang berkenaan.

Teori teksdealisme (Mana Sikana,1998:312) mendefinisikan teks sebagai susunan idea dan pengalaman yang mengandung makna yang berlapis-lapis dengan mempunyai sifat-sifat keunggulannya. Keunggulan teks bererti teks itu mempunyai nilai dan mutu yang tinggi. Penghasilan sesebuah teks yang ideal atau unggul tetap bermula daripada idea dan pengalaman. Idea ialah lintasan-lintasan pemikiran yang bergema dalam kesedaran pengarang, yang mengembang, mematang, dan akhirnya dijelmakan dalam bentuk teks kreatif. Pengalaman pula ialah sumber yang mencetuskan idea itu. Pengalaman bergerak dalam sublimasi secara tidak sengaja dan ia terstruktur seperti bahasa. Untuk mendapatkan erti dan makna sesebuah teks sastera itu, subjek pengalaman haruslah dianalisis. Kajian

dan analisis ini bertujuan untuk mendapatkan makna asli pengarang yang terstruktur di dalam teks.

Seperti dekonstruksi, teksdealisme tidak mempunyai suatu kaedah analisis yang khusus seperti yang ditunjukkan dalam teori atau pendekatan strukturalisme tetapi lebih menjelaskan beberapa prinsip penelitiannya (Mana Sikana, 1998:151). Untuk itu, teori teksdealisme telah menyediakan empat prinsip, iaitu prinsip kehadiran, perlanggaran, pengukuhan, dan keperibadian/individualisme untuk menganalisis teks dalam mencari dan mengukur keunggulan pengarang, teks, dan khalayak. Menurut Bakhtin dan Todorov (Mana Sikana, 1996:97), kehadiran pengalaman yang dialami oleh pengarang penting kerana ia akan mempengaruhi daya kreativitinya. Oleh sebab itu teori teksdealisme amat mementingkan kehadiran pengalaman dalam penulisan teks dan dalam proses penghayatan teks. Pengalaman itu tidak semestinya suatu peristiwa yang dialami sendiri oleh seseorang pengarang. Ia boleh diperolehi melalui pengalaman orang lain, melalui kajian, bacaan, pemerhatian dan pengamatan, bayangan-bayangan, kenangan-kenangan silam, imaginasi dan yang seumpamanya.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, Anwar Ridhwan telah membuktikan bahawa beliau merupakan pengarang yang kaya dengan kehadiran pengalaman yang pelbagai, dan pengalaman ini diadun dengan penuh ketelitian dalam karya-karyanya. Pengalaman bermula seawal zaman kanak-kanaknya di kampung yang penduduknya terdiri daripada petani. Menurut Anwar Ridhwan

(wawancara, 29 September 2003), Sungai Besar, Selangor telah dibuka pada tahun 1918, dan pada masa itulah orang tuanya berpindah dari Perak ke Selangor dan menetap di situ. Keadaan kehidupan keluarga yang sederhana itu telah menjadikan Anwar seorang individu yang banyak mengutip pengalaman dan pengajaran akan erti sebuah kehidupan dan erti penderitaan. Oleh sebab yang demikian, penguasaan Anwar dalam menjiwai watak-watak dalam ketiga-tiga buah novelnya yang secara keseluruhannya terdiri daripada golongan petani, buruh, dan mereka yang pernah hidup dalam zaman penjajahan. juga gambaran beliau terhadap kehidupan desa amat mendalam dan berkesan. Apabila melangkahkan kaki ke universiti dan mengecapi hidup di kota, sekaligus Anwar mengalami keadaan yang berbeza. Sebagai anak desa yang berhijrah ke kota, pada peringkat awalnya sudah tentunya langkah beliau agak janggal dan tidak seiring dengan manusia kota yang sudah sebatи dengan keadaan hidup yang amat berbeza daripada kehidupan di desa. Namun, bagi Anwar kehidupan kota juga suatu pengalaman yang berharga. Justeru, proses sosialisasinya berkembang. Kehidupannya sebagai mahasiswa di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, telah mendedahkannya secara rinci tentang dunia sastera. Di sana, Anwar turut mengasaskan Ikatan Sastera Universiti Malaya (ISUM). Anwar juga mengasuh ruangan kebudayaan akhbar kampus *Mahasiswa Negara* dan berpeluang menyertai program lawatan sambil belajar ke Indonesia, Hong Kong dan Thailand. Pengalamannya melawat negara-negara ini dicernakan Anwar dalam karya-karya awalnya, dan seterusnya diterapkan juga dalam novel-novelnya.

Kemudiannya, apabila Anwar Ridhwan bertugas dengan Dewan Bahasa dan Pustaka; hubungannya dengan individu pengarang lain semakin berkembang, baik yang terdiri daripada karyawan organisasi itu sendiri seperti Keris Mas, Usman Awang, Abdullah Hussain, Baha Zain, Kemala, Johan Jaaffar, Ayob Yamin, A. Rahim Abdullah, A. Ghani Abdullah, Hamzah Hamdani, Samsuddin Jaafar, dan lain-lain lagi, mahupun pengarang dari luar Dewan Bahasa dan Pustaka seperti Sasterawan Negara A. Samad Said, Shahnon Ahmad, Nordin Hassan, Muhammad Hj. Salleh, dan pengarang lain seperti A. Samad Ismail, Jihaty Abadi, Dharmawijaya, Sahlan Mohd. Saman, Othman Puteh, Ramli Isin, Kassim Ahmad, Salleh Yaapar dan ramai lagi. Tugas Anwar sebagai pembina dan pengembang sastera juga telah memberi peluang kepada beliau mengikuti beberapa kursus dan kegiatan di peringkat antarabangsa seperti di Amerika Syarikat, Russia, Jepun, China, Indonesia, Brunei Darussalam dan lain-lain. Peluang seperti ini telah memberi ruang kepada Anwar untuk mengenali para sarjana dari luar negara, dan sama-sama bertukar pengalaman. Semua pengalaman berharga ini telah menjadikan Anwar individu pengarang yang memiliki suatu kelebihan dalam dunia sastera. Kehidupan desa pada zaman kanak-kanaknya, dan kehidupan kota pada zaman remaja dan dewasanya telah memberikan pengajaran yang tidak semua individu berpeluang memperoleh dan menikmatinya.

Justeru itu, gambaran dan pemerian Anwar Ridhwan terhadap alam semulajadi, desa dan kota, amat berkesan seperti yang diakui oleh Abdul Rahman

Yusof (*Dewan Sastera*, Ogos 1988:61), “Saya dapati Anwar amat akrab dengan kedua-dua dunia ini dan kerana itu dapat menggambarkan suasana dan watak-wataknya bukan sahaja dengan baik tetapi meyakinkan”. Namun, menurut Anwar Ridhwan (wawancara, 29 September 2003), semua pengalaman itu tidak terus tercurah ke dalam bentuk teks sebaliknya ia terlebih dahulu disimpan dan diulang-ulang dalam hati dan fikirannya. Dengan kata lain, pengalaman itu tidak terluah seadanya tetapi harus ditentukan pemikiran yang ingin diketengahkannya, dijalin plotnya, dibentuk imejan-imejan, harus dikenalpasti watak-watak serta perwatakannya, dan yang seumpamanya agar makna yang dibawa tidak hanya berada pada lapisan cetek seperti idea asal itu. Watak-watak itu menurut Anwar (wawancara, 29 September 2003), mungkin saja yang dikenali, atau tidak dikenali, justeru harus difikirkan perwatakannya agar sesuai dengan mesej yang dibawanya. Untuk menjadikannya sebagai sebuah *art novel*, menurut Anwar Ridhwan, nilai seni itu harus benar-benar dititikberatkan. Dalam konteks ini, kehadiran pengalaman bagi seseorang pengarang amat pennting. Novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* dan *Arus* yang mengambil latar desa, serta membawa persoalan budaya dan jati diri melalui saluran sastera tradisi, iaitu lipur lara dan mantera itu, misalnya, telah menerapkan unsur kehadiran pengalaman yang luas dan mendalam yang dikutip Anwar Ridhwan seawal zaman kanak-kanaknya.

Di samping kehadiran pengalaman, teori teksdealisme juga telah menetapkan bahawa teks yang unggul adalah teks yang mempunyai unsur perlenggaran, iaitu proses yang mengimbangi antara yang dirombak dan yang

dikekalkan; antara yang lama dan yang baru. Perlanggaran itu pula mestilah dilakukan oleh pengarang dengan penuh keberanian dan kebijaksanaan. Keberanian tanpa kebijaksanaan tidak akan menghasilkan teks yang unggul. Dalam karya-karyanya, Anwar dengan jelas telah melakukan proses perlanggaran ini. *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* dan *Arus* masih mengekalkan persoalan yang sama iaitu tentang sastera lisan; tentang lipur lara dan mantera, serta latar desa yang juga masih dikekalkan. Walau bagaimanapun, dari segi wataknya Anwar telah melakukan perlanggaran dalam *Arus* dengan membawa masuk watak manusia kota ke desa, di samping mengekalkan watak tipikal orang desa. Secara umumnya, karya-karya pada waktu ini belum membaurkan watak-watak sebegini. Walau bagaimanapun, di tangan Anwar Ridhwan dua golongan ini dipertembungkan untuk memaparkan unsur pengaruh luar yang menghakis budaya tradisi masyarakat desa itu tadi. Manusia kota yang telah mendapat pendidikan dari luar negara seperti yang diwakili oleh watak Muslim dan Salleh dalam *Arus* ini merupakan penanda bahawa desa itu bukan lagi suatu daerah yang aman, damai, dan selamat daripada kemaraan anasir-anasir luar terutamanya yang mendatangkan kesan negatif seperti budaya barat, ilmu sekular, agama, dan lain-lain lagi. Sebagai misalannya, unsur kesepakatan, gotong-royong, yang diamalkan oleh masyarakat desa dalam novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* telah Anwar robohkan dalam *Arus*. Penduduk Kampung Tok Wali dalam *Arus* tidak lagi menunjukkan sifat bantu-membantu antara satu sama lain seperti yang diamalkan oleh penduduk Desa P.S. dalam novel yang pertama itu. Hal ini Anwar tonjolkan melalui sikap Ketua Kampung Tok Wali, Lebai Amrah, yang telah

menghalau Pawang Kri dari kampung itu. Demikian juga apabila isteri Pawang Kri mati dibaham buaya, Lebai Amrah tidak mahu membantu Pawang Kri mengurus mayat isteri Pawang Kri, sebaliknya menghamburkan kata-kata nista kepada Pawang Kri dengan mengatakan Pawang Kri itu Yahudi dan kafir hanya kerana Pawang Kri itu seorang pawang dan pemburu buaya. Hasil tangkapannya itu pula seperti kulit buaya itu Pawang Kri jual dan menjadi salah satu punca pencarian dan pendapatan Pawang Kri untuk menyara anak isterinya. Lebai Amrah, seorang ulama pula sewenang-wenangnya menuduh Pawang Kri itu Yahudi dan kafir. Seorang tokoh agama seperti Lebai Amrah melakukan semua itu hanya kerana dendamnya yang gagal mengahwini Imah, sebaliknya Imah menjadi isteri Pawang Kri. Keadaan desa yang aman damai dan tenang dalam *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* itu terasa begitu bergejolak dalam *Arus*. Gejolak ini dilambangkan oleh buaya yang mengganas di Sungai Usar. Kedatangan manusia kota yang diwakili oleh Muslim, seorang ahli ekonomi, dan Salleh, seorang ahli akademik, kedua-duanya lulusan luar negara tetapi sudah hilang jatidiri itu juga melambangkan anasir luar yang mula meresap ke desa dan membawa kemusnahan pada ketenangan alam desa dan masyarakatnya. Penduduk Kampung Tok Wali juga tidak terkecuali daripada pengaruh luar ini apabila Anwar Ridhwan menggambarkan anak-anak mudanya yang sudah pandai berpeleseran di pecan, serta menyimpan rambut panjang, dan mengusik anak-anak dara yang lalu. Ini menunjukkan budaya lepak itu sudah mula menular ke kawasan-kawasan kampung.

Di pihak golongan manusia kota yang terpelajar ini pula seperti yang diwakili oleh Muslim dan Salleh itu, kepentingan diri, dan kekuasaan mereka dalam memujuk orang yang lemah dan tertindas (mungkin dengan adanya ilmu psikologi yang telah mereka pelajari) telah berjaya melembutkan hati Pawang Kri untuk turut membantu mereka memburu buaya yang mengganas itu sedangkan Pawang Kri sudah empat tahun berhenti daripada pekerjaan itu. Kepentingan diri ini akhirnya mengakibatkan kematian Pawang Kri sendiri. Walau bagaimanapun, Anwar membangunkan semula keruntuhan yang telah berlaku ini dengan mengembalikan keinsafan kepada Lebai Amrah. Hal ini pengkaji yakini daripada tindakan Lebai Amrah yang telah mengurus sendiri jenazah Pawang Kri dan mengkebumikannya di Kampung Tok Wali, dan Azizah yang yatim piatu itu diterima semula untuk tinggal di kampung asal ibunya itu. Muslim juga menginsafi segala perlakuannya itu, dan tidak dapat menolak rasa bersalahnya atas kematian Pawang Kri itu. Peristiwa itu sekurang-kurangnya telah mendatangkan keinsafan kepada Muslim seperti yang terdapat dalam ungkapan yang berikut, "Dan dia yakin sungguh-sungguh, tidak salah bagi manusia untuk mempunyai harapan. Harapan, fikir Muslim, mesti dipancangkan dengan sesuatu. Dengan *Bismillahir Rahmanir Rahim* (Arus, 1985:80).

Perlenggaran yang lebih ketara Anwar lakukan dalam *Di Negeri Belalang*, sebuah karya eksperimental. Pengangkatan empat buah cerpen sebagai bahan cerita untuk dimuatkan dalam novel belum pernah dilakukan oleh pengarang Malaysia. Menurut Anwar (wawancara, 29 September 2003), teknik penulisan

sebegini adalah yang pertama pernah dilakukan. Ia merupakan suatu tindakan berani Anwar yang boleh dikatakan di luar jangkaan dan jangkauan minda seseorang. Pastinya Anwar melakukan semua ini bukan hanya dengan keberanian tetapi juga kebijaksanaan. Keberanian dan kebijaksanaan inilah yang dapat merealisasikan penghasilan novel satira *Di Negeri Belalang* yang telah memberikan impak yang besar dalam dunia sastera negara. Nama Anwar Ridhwan menjadi lebih kukuh dengan lahirnya novel ini, bukan sahaja kerana ia keluar daripada persoalan lipur lara dan mantera dalam kedua-dua buah novel awalnya itu tetapi juga keluar daripada aliran realisme yang telah diamalkannya selama ini. *Di Negeri Belalang* yang nipis itu adalah sebuah karya metafiksyen. Dalam novel ini, cerita tidak lagi menjadi penting berbanding tekniknya. Melalui novel inilah perlanggaran teknik benar-benar ketara dilakukan Anwar. Ini diakui sendiri oleh Anwar dalam wawancara pengkaji dengan beliau pada 29 September 2003 yang lalu. Menurut Anwar, sememangnya beliau telah merancang teknik penulisan sepenuhnya dalam novel ini. Segala-galanya aneh dan keanehan itu bermula seawal Anwar mengangkat empat buah cerpennya menjadi bahan cerita untuk novel ini, kemudian mempersebahkan pula cerpen-cerpen ini secara sekerat-sekerat ke dalam tiga bab yang terawal. Daripada situ baharulah Anwar memperkembang cerita dalam bab-bab seterusnya. Sesungguhnya, teknik penulisan Anwar dalam novel ketiganya ini benar-benar menguja minda khalayaknya. Ia juga merupakan suatu perlanggaran; keluar daripada konvensi penulisan sebuah novel. Anwar sebenarnya ingin mengajak khalayaknya untuk sama-sama ikut aktif mengambil bahagian dalam mentafsir wawasannya,

ambiguitinya dan pandangan dunianya (“*Blurb*”, *Di Negeri Belalang*). Daripada setiap cerpennya itu Anwar mengambil seorang watak protagonisnya untuk dikembangkan dalam novel ini, dan ditambah dengan watak Manto (yang sebenarnya tidak wujud) dan watak “Saya” yang melalui waktu-waktu *monotonousnya* dan ingin “melarikan diri” daripada keadaan hidup yang membosankan itu. Manto hanya wujud dalam fikiran “Saya” dan daripada situah plot cerita berkembang. Secara keseluruhannya, menurut Anwar (wawancara, 29 September 2003), *Di Negeri Belalang* itu merupakan suatu abstraksi tentang peradaban, tentang suatu kuasa pengaruh budaya luar, tentang senjata (seperti yang dilambangkan *aerosol*) yang memusnahkan budaya tradisi masyarakat dunia ketiga, dalam konteks ini masyarakat Melayu.

Kajian ini juga mendapati Anwar Ridhwan sememangnya pengarang yang teliti, dan mementingkan kesempurnaan dalam mencipta karya-karyanya. Beliau menjalankan kajian dan penyelidikan untuk melakukan inovasi dan pembaharuan untuk menghindari konvensi dan berada ditahap yang statik. Menurut Anwar Ridhwan (*Jambak* 2, 1993:51), sifat penyelidikan itu juga berbeza antara satu dengan yang lain, iaitu sama ada dengan merujuk bahan-bahan bercetak atau menemui orang-orang tertentu, dan penyelidikan itu pula kebanyakannya dilakukan sebelum proses penulisan, tetapi kadang-kadang ada juga yang beliau lakukan ketika proses penulisan untuk tujuan pengesahan terhadap sesuatu hal yang kurang meyakinkan beliau. Sesungguhnya, ia melambatkan proses penulisan, dan menjadikan beliau kurang prolifik. Walau bagaimanapun, Anwar

lebih mementingkan kepuasan dan kualiti karya, bukannya kuantiti. Kepuasan itu wujud setelah beliau meyakini bahawa yang dikerjakannya itu merupakan “pengeluaran” yang maksimum, seutuhnya dan teliti hasil daripada gabungan total daripada bakat, kemahiran seni, pengalaman, pemikiran, wawasan, pandangan dunia serta ketelitian yang maksimum dan sempurna. Oleh sebab itu, menurut Anwar Ridhwan, setiap karyanya akan dibaca dan diteliti sekurang-kurangnya lima kali, malah novel beliau, *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* itu dibacanya sebanyak sepuluh kali selain daripada mendapatkan pandangan-pandangan dan komen daripada rakan-rakan beliau seperti Baha Zain dan Hamzah Hamdani. Pada setiap bacaan itu pula Anwar Ridhwan akan melakukan perubahan dan pembaikan untuk mengukuhkan karyanya.

Namun demikian, kepuasan ini bersifat sementara kerana menurut Anwar (*Jambak*, 1993:38), kemampuan kita menterjemah, menapis, dan menilai cabaran ilham itu selalu berkembang dengan adanya kekayaan pengalaman, sikap hidup serta pandangan dunia kita. Justeru itu, Anwar sering berasa tidak puas dengan karya-karyanya yang sudah terhasil dan terus berkeinginan untuk menghasilkan karya yang lebih baik. Sikap Anwar ini sejajar dengan falsafah teori teksdealisme (Manu Sikana, 1998:317) bahawa ketidakpuasan terhadap teks yang sudah dihasilkan menyebabkan pengarang selalu berusaha untuk menghasilkan teks selanjutnya yang diramalkannya lebih baik daripada apa yang sudah dihasilkannya.

Dari sudut kejiwaan pula, mungkin kadang-kadang timbul rasa kebencian terhadap teks yang telah dihasilkan itu, dan merasakan ada unsur-unsur kebodohan atau kelemahan yang ketara, dan tidak mustahil pula berlakunya penolakan terhadap teks sendiri. Di samping itu, terdapat pula teks yang amat disayanginya yang akan dibacanya berulang kali. Dari situ, timbul hasrat untuk menghasilkan teks yang lebih baik. Dalam waktu tertentu pula, timbul kekhawatiran dan ketakutan akan ketidakmampuannya untuk menghasilkan teks yang lebih baik daripada apa yang sudah ada. Hal ini juga akan mendorong seseorang pengarang untuk berusaha lebih gigih. Seseorang pengarang yang berjiwa besar akan mengalami perjuangan kejiwaan seperti ini untuk mencipta ruang imaginatif yang baru. Teksdealisme (Mana Sikana. 2003:181) menegaskan tentang betapa pentingnya strategi textualisme bagi setiap karya: membina *law literaturenya* sendiri, paradigma baru dan menganjurkan *new aesthetic of seriality*. Fenomena ini dikesani juga daripada unsur-unsur yang datang dari luar, terutamanya resepsi khalayak mahupun daripada para pengkritik. Khalayak pun sebagai implikasinya, tidak hanya sebagai *traditional reader*, sebaliknya sebagai khalayak idealistik. Khalayak idealistik dapat menyumbang ke arah melahirkan pembaca yang unggul (Mana Sikana. 2003:181). Jawapan terhadap segala persoalan dan dilema; antara keimbangan dan harapan ini bagi pengarang yang berani dan bijaksana, menurut pandangan teori teksdealisme (Mana Sikana, 1998:318) ialah pengarang itu akan terus-menerus berusaha untuk menghasilkan karya yang lebih baik. Biar dalam keadaan yang bagaimana sekalipun, keinginan untuk melahirkan teks yang penuh dengan keunggulan akan

terus-menerus hidup kekal dalam pemikirannya. Maka dari situ jugalah berlakunya apa yang diistilahkan dalam teori teksdealisme sebagai prinsip pengukuhan.

Proses pengukuhan ini suatu proses yang berterusan. Inilah juga yang berlaku kepada pengarang Anwar Ridhwan. Dalam sejarah penglibatannya dengan dunia penulisan sejak 1970, Anwar Ridhwan adalah antara pengarang Malaysia yang berkarya secara berterusan, dan dalam berkarya itu dapat dilihat Anwar Ridhwan telah melakukan pengukuhan demi pengukuhan untuk memastikan karya yang terbaharu itu lebih baik daripada yang terdahulu. Kaedah pengukuhan pengarang itu berlaku dalam dalam pelbagai peringkat dan keadaan. Ia bukan sahaja dalam bentuk pemikirannya, tema, teknik, malah seluruh aspek komponen yang membina cerita. Pengarang adalah manusia penuh aksi dan tindakan, serta cukup peka terhadap masa silam, masa kini, dan masa depan. Pengarang juga adalah manusia yang memiliki tenaga dan kekuatan serta mempunyai semangat jati diri.

Anwar Ridhwan bukan seorang pengarang yang terus mengutip setiap ilham yang datang seadanya, sebaliknya menurut beliau (*Jambak* 2, 1993:43), ilham yang jarang-jarang datang menjenguknya itu disimpannya dan disebutnya berulang-ulang kali di dalam hati, dan fikiran, dan ia akan diingatnya untuk beberapa waktu. Ilham itu juga, tambah beliau, tidak datang sepenuhnya, mungkin awalan, pertengahan, atau akhirannya sahaja. Selebihnya, ia banyak bergantung

pada kreativitinya sendiri. Yang nyata, sejak mula berkarya, karya-karya beliau sering diberikan pengiktirafan baik oleh badan-badan ataupun persatuan tertentu mahupun melalui peraduan-peraduan penulisan yang dianjurkan dari semasa ke semasa. Pengiktirafan dan kemenangan yang diraihnya seawal-awal penglibatannya dalam bidang penulisan pada tahun 1970 ini membuktikan bahawa Anwar sememangnya memiliki keunggulan sebagai pengarang.

Pada keseluruhannya, pengkaji mendapati teori teksdealisme ini sesuai untuk menganalisis teks. Prinsip-prinsip teksdealisme telah menyediakan kerangka yang kukuh dalam membicarakan pengarang. Melalui prinsip kehadiran, misalnya, pengalaman pengarang dapat diselusuri secara sistematis. Tanpa kerangka yang seperti ini, usaha menyusuri pengalaman pengarang, dan kaitannya dengan teks yang dihasilkan tentu akan menjadi sukar. Prinsip perlanggaran yang melihat usaha pembaharuan yang dilakukan pengarang juga telah memberi ruang alternatif dalam melihat pengarang dan teks. Anwar Ridhwan sendiri sebagai pengarang telah memenuhi prinsip-prinsip yang ada dalam teori teksdealisme seperti yang telah dinyatakan di atas untuk mencapai tahap keunggulan. Anwar Ridhwan seorang pengarang yang kaya dengan kehadiran pengalaman yang dikutipnya sejak zaman kanak-kanaknya lagi, kemudian semakin bercambah apabila bergelar sebagai mahasiswa, dan terus berkembang dan matang apabila terlibat secara langsung dalam merancang, membina, dan mengembangkan bahasa, sastera, serta penerbitan di Dewan Bahasa dan Pustaka. Anwar Ridhwan juga seorang pengarang yang berjiwa besar dan mempunyai keazaman untuk tidak

berada di bawah bayang-bayang mahupun pengaruh pengarang lain. Beliau berani bereksperimen dalam membawakan idea dan pemikirannya. Setiap pemikiran harus dimantapkan, dan tiada usaha singkat ke arah itu melainkan dengan melakukan pengukuhan demi pengukuhan dalam berkarya. Teks yang dihasilkannya juga tetap menampakkan nilai keunggulan yang tersendiri. Anwar mengakui banyak membaca karya pengarang-pengarang besar, dan beliau mengaguminya, tetapi menafikan terpengaruh dengan teks yang dibacanya itu. Menurut Anwar (wawancara, 29 September 2003), beliau mahu membina dan memiliki identiti serta keperibadian sendiri. Oleh sebab itu, menurut beliau lagi, bidang penulisan adalah suatu daerah yang harus diterokai sendiri, bukan melangsungkan apa yang telah diterokai oleh orang lain. Terjemahan terhadap sikap dan pendirian Anwar ini ialah bahawa setiap pengarang dan setiap teks yang dihasilkan itu haruslah dilakukan dengan kesungguhan. Selagi seseorang pengarang itu belum menghasilkan teks yang memperlihatkan sifat dirinya, atau terus-menerus berada di bawah teks mahupun bayangan orang lain, selama itulah pengarang harus berusaha dengan tekun dan bersungguh-sungguh untuk menghasilkan karya yang unggul. Cara itu akan menjadikan seseorang pengarang berjaya. Menurut Anwar lagi, tanpa berusaha mencari identiti sendiri bererti sepanjang perjalanan kepengarangannya itu akan menjadi sia-sia, ibarat mencari sesuatu yang tidak akan ditemuinya apa-apa pun.

Demikianlah sikap, pendirian, dan perjuangan Anwar Ridhwan dalam bidang penulisan sehingga terhasilnya ketiga-tiga buah novelnya ini. Walaupun Anwar Ridhwan (wawancara, 29 September 2003) dan kebanyakan pengkaji juga mendapati bahawa novel *Arus*, dan *Di Negeri Belalang* itu tidak dapat menyaingi dan menandingi kehebatan dan keunggulan novel pertama beliau, *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*, setiap novelnya itu mempunyai kekuatan dan keunggulan yang tersendiri. Walaupun menurut Mana Sikana (wawancara, 18 November 2003), “ketidakmampuan seseorang pengarang mengekalkan ataupun menandingi karya-karya yang terdahulu itu menandakan tiadanya perkembangan pengarang dalam sesuatu genre yang diceburinya itu”, ternyata Anwar Ridhwan telah berjaya meletakkan dirinya sebagai pengarang yang unggul, dan seterusnya melahirkan karya-karya yang unggul. Teori teksdealisme ini didapati sesuai untuk mengkaji keunggulan seseorang pengarang berdasarkan keempat-empat prinsip iaitu kehadiran, perlanggaran, pengukuhan, dan keperibadian/individualisme. Pengkaji juga mendapati ketiga-tiga buah novel Anwar Ridhwan, iaitu *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*, *Arus*, dan *Di Negeri Belalang* merupakan teks yang memiliki nilai-nilai keunggulan yang tersendiri, bertepatan dengan prinsip-prinsip teori teksdealisme ini.

Sebagai kesimpulannya, sebagai mana yang telah dinyatakan oleh Mana Sikana (1996:91):

Teori ini dapat menawarkan jalan alternatif lain yang barangkali lebih secocok dengan khazanah sastera Melayu. Fahaman teksdealisme bukanlah suatu karya sastera dengan isi, tema dan persoalan tertentu sebagai pokok perbincangan tetapi merupakan suatu pemahaman sastera dalam kaitannya dengan konteks yang mencakupinya.